

# **BAB IV**

## BAB IV

# ANALISIS PERANAN KEMAS DAN KEBERKESANANNYA DALAM PENDIDIKAN ISLAM

### 4.1 PENDAHULUAN

Program yang telah dilaksanakan oleh KEMAS khususnya dalam pendidikan Islam banyak memberi manfaat kepada semua golongan masyarakat sama ada tua atau pun yang muda. Program ini dilaksanakan adalah semata-mata untuk mempertingkatkan penguasaan ilmu khususnya di kalangan orang Islam terhadap pendidikan Islam. Pendidikan Islam yang dilaksanakan di bawah Unit Bina Insan telah melaksanakan pelbagai program yang bermanfaat dan memberi kesan yang positif terhadap peserta yang mengikuti program ini.

Program yang diatur dan disusun sepanjang tahun ini sentiasa diberi perhatian dan pemantauan agar matlamat sesuatu program itu tercapai. Apa yang jelas program yang telah dilaksanakan ini telah memberi kesan yang baik kepada masyarakat dalam menguasai pendidikan Islam dan melaksanakan ibadah mereka dengan lebih baik lagi.

Dalam kajian ini penulis telah membuat analisis terhadap peranan KEMAS dan keberkesanan program yang telah dilaksanakan oleh KEMAS ini. Laporan penyelidikan dan analisis data yang diperolehi daripada borang soal selidik, temubual

dan pemerhatian yang dilakukan. Dalam kajian ini penulis telah membahagikan borang soal selidik kepada dua kategori iaitu:

1. Peserta kursus Bina Insan
2. Ibu bapa kanak-kanak di TABIKA KEMAS

## 4.2 ANALISIS PERANAN KEMAS TERHADAP PROGRAM YANG DIANJURKAN

### 4.2.1 Program Bina Insan

Borang soal selidik telah diedarkan kepada 50 orang responden di kalangan peserta kursus Bina Insan ( BI ) di kawasan Kota Bharu. Penulis telah menyediakan 17 soalan dan telah membahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian I dan II. Bahagian I lebih menjurus kepada latar belakang responden yang terdiri daripada empat soalan.

Menerusi kajian soal selidik ini penulis mendapati bilangan peserta perempuan lebih ramai berbanding peserta lelaki. Perbandingan ini boleh dilihat menerusi jadual di bawah.


**Jadual 4.1 : Bilangan Responden Mengikut Jantina**

JANTINA	BILANGAN ( Orang)	PERATUS (%)
Lelaki	7	14
Perempuan	43	86

Sumber: Kajian Soal Selidik 2002

Manakala umur peserta pula terdiri daripada pelbagai peringkat umur dari kanak-kanak hingga golongan dewasa. Ini menunjukkan peserta program Bina Insan ini meliputi semua lapisan umur dan tidak tertumpu kepada golongan tua sahaja. Ini dapat dilihat menerusi graf di bawah.

**Rajah 4.1 : Peratus Umur Di Kalangan Responden**



Sumber : Kajian Soal Selidik 2002

Jumlah tertinggi responden adalah peserta yang berusia dalam lingkungan 50-an seramai 14 orang diikuti umur 20-an seramai 12 orang. Manakala jumlah yang terendah pula adalah seramai 6 orang iaitu responden yang berumur 60-an. Menerusi statistik ini menunjukkan golongan muda turut mengikuti program yang dianjurkan oleh KEMAS. Ini menunjukkan program yang dianjurkan oleh KEMAS menarik minat golongan muda untuk menambah pengetahuan mereka.

Dari segi pekerjaan pula responden terdiri dari pelbagai latarbelakang dan jumlah tertinggi adalah pelajar iaitu seramai 18 orang atau 36 peratus diikuti oleh surirumah seramai 17 orang atau 34 peratus.

**Jadual 4.2 : Jenis Pekerjaan Di Kalangan Responden**

BIL.	JENIS PEKERJAAN	BIL. PESERTA	PERATUS (%)
1	Pelajar	18	36
2	Petani	1	2
3	Pegawai Kerajaan	1	2
4	Pencen	7	14
5	Surirumah	17	34
6	Bekerja sendiri	6	12
7	Kakitangan KEMAS	0	0

Sumber : Kajian Soal Selidik 2002

Penyertaan yang terdiri daripada pelbagai latar belakang ini menunjukkan bahawa kelas BI mendapat perhatian dari pelbagai golongan masyarakat. Mereka berusaha mengisi masa yang ada dengan aktiviti yang bermanfaat.

Apabila diteliti dari segi tahap pendidikan di kalangan responden pula majoriti mereka yang mendapat pendidikan di sekolah rendah. Ini jelas kerana latar belakang responden terdiri daripada pelajar sekolah rendah dan juga golongan tua. Tetapi program BI ini turut menarik minat para graduan untuk mengikuti kelas-kelas yang dianjurkan.

**Jadual 4.3 : Tahap Pendidikan Di Kalangan Responden**

BIL.	TAHAP PENDIDIKAN	BIL. PESERTA	PERATUS (%)
1	GRADUAN	3	6
2	STPM	1	2
3	SPM	10	20
4	STU	1	2
5	SMU	1	2
6	SRP/PMR	10	20
7	SEK. REN.	24	48

Sumber : Kajian Soal Selidik 2002

Menerusi jadual ini menunjukkan bahawa 48 peratus responden mendapat pendidikan di sekolah rendah, 20 peratus mendapat pendidikan di peringkat SPM dan SRP/PMR. Manakala para graduan pula sebanyak 6 peratus dan 2 peratus bagi tahap pendidikan di peringkat STPM, STU dan SMU.

Seterusnya penulis memberi tumpuan kepada bahagian ke II yang lebih kepada pandangan peserta terhadap peranan KEMAS dan keberkesannya dalam program yang telah dianjurkan. Kesemua responden merupakan para peserta program BI cuma berbeza PM yang mengajar kerana kawasan Kota Bharu mempunyai empat orang PM dan seorang penyelia kawasan yang mengajar kelas-kelas terbabit.

**Jadual 4.4 : Kelas yang Dihadiri Oleh Responden**

BIL.	JENIS KELAS	BIL. PESERTA
1	Fardu Ain dan Fardu Kifayah sahaja	18
2	Tarbiah Al-Qur'an, Fardu Ain & Fardu Kifayah	17
3	Lebih dari dua kelas: Tarbiah Al-Qur'an, Fardu Ain & Fardu Kifayah, Pengurusan Jenazah, Khatam Al-Qur'an, Taranum Al-Qur'an, Marhaban dan Rawi	12
4	Khatam Al-Qur'an sahaja	5
5	Nasyid dan Qasidah	4

Sumber: Kajian Soal Selidik 2002


Berdasarkan jadual di atas dapat dianalisis bahawa kelas yang paling ramai diikuti oleh para responden adalah kelas Fardu Ain dan Fardu Kifayah dan juga Tarbiah Al-Qur'an. Jumlah peserta yang mengikuti kelas Fardu Ain dan Fardu Kifayah sahaja adalah 36 peratus diikuti peserta yang mengikuti dua kelas iaitu kelas Tarbiah Al-Qur'an dan Fardu Ain dan Fardu Kifayah sebanyak 34 peratus.

Namun begitu terdapat 6 orang peserta yang mengikuti lebih daripada dua kelas iaitu kelas Tarbiah Al-Qur'an, Fardu Ain dan Fardu Kifayah, Pengurusan Jenazah, Khatam Al-Qur'an, Tarannum Al-Qur'an dan Marhaban dan Rawi. Ini menunjukkan peserta terbabit begitu berminat mengikuti semua kelas yang dianjurkan oleh KEMAS. Di sini penulis berpendapat peserta ini adalah peserta yang telah lama mengikuti kelas yang dianjurkan oleh KEMAS. Ini kerana peserta yang telah mahir dalam kursus Tarbiah Al-Qur'an meneruskan kelas mereka dalam kelas Tarannum Al-Qur'an. Kelas Tarannum Al-Qur'an biasanya dihadiri oleh peserta yang

boleh membaca al-Qur'an dengan baik dan telah mahir dalam pelbagai bacaan al-Qur'an. Begitu juga dengan kelas nasyid dan qasidah hanya dihadiri oleh peserta yang boleh bernasyid dan berqasidah sahaja. Ia memberi peluang kepada mereka mengasah bakat yang ada dalam diri masing-masing.

Apabila ditinjau pandangan para peserta terhadap kelas terbabit, mereka memberi pelbagai pandangan. Sebanyak 54 peratus mengatakan kelas tersebut memuaskan, manakala yang berpendapat baik pula sebanyak 36 peratus dan biasa sebanyak 10 peratus. Tiada peserta yang mengatakan kelas tersebut tidak baik. Maka di sini menunjukkan bahawa para peserta berpuas hati dengan kelas yang dianjurkan oleh pihak KEMAS ini.

**Rajah : 4.2 Pandangan Peserta Terhadap Kelas Yang Dianjurkan**



Sumber : Kajian Soal Selidik 2002



Apabila meneliti pendapat responden berkenaan kesan yang mereka perolehi daripada menghadiri kelas ini mereka berpendapat kelas terbabit memberi kesan atau manfaat kepada mereka cuma dua responden sahaja yang berpendapat kelas tersebut tidak memberi manfaat kepada mereka.

Apabila dianalisis berkenaan kelas yang paling menarik minat para peserta adalah seperti jadual di bawah ini:

**Jadual 4.5 : Kelas Yang Paling Menarik Minat Peserta**

Bil.	Kelas	Jumlah	Peratus ( % )
1	Fardu Ain dan Fardu Kifayah	24	48
2	Tarbiah al-Qur'ān	10	20
3	Nasyid dan Qasidah	6	12
4	Khatam al-Qur'ān	4	8
5	Pengurusan Jenazah	4	8
6	Tarannum al-Qur'ān	2	4


Sumber : Kajian soal selidik 2002

Menerusi jadual ini menunjukkan kelas Fardu Ain dan Fardu Kifayah adalah kelas yang paling menarik minat para peserta berbanding kelas-kelas lain.

Manakala soal selidik berkenaan soalan adakah sukatan pelajaran yang diajar menarik minat para peserta, 47 peserta atau 94 peratus mengatakan ya dan 3 peserta

atau 6 peratus sahaja yang mengatakan tidak. Perbezaan yang jelas ini boleh dilihat menerusi rajah di bawah ini.

**Rajah 4.3 : Adakah Sukatan Pelajaran Menarik Minat Para Peserta**




Sumber : Kajian soal selidik 2002

Berdasarkan rajah ini jelas menunjukkan bahawa sukatan pelajaran yang diajar menarik minat para peserta untuk belajar dan mendalami ilmu agama.

Seterusnya soal selidik berkenaan adakah program Fardu Ain dan Fardu Kifayah memberi kesan yang berguna kepada peserta. 100 peratus mengatakan ya dan tiada peserta yang mengatakan tidak. Ini menunjukkan bahawa program Fardu Ain dan Fardu Kifayah telah memberi kesan yang berguna kepada setiap peserta yang telah menghadiri kelas ini.

**Rajah 4.4 : Kesan Pembelajaran Fardu Ain dan Fardu Kifayah**



Sumber : Kajian soal selidik 2002

Pelbagai pandangan yang telah diberikan oleh para peserta kesan hasil daripada menghadiri kelas Fardu Ain dan Fardu Kifayah ini. Pandangan mereka adalah seperti berikut;

1. Dapat mempertingkatkan lagi bacaan al-Qur'ān.
2. Menambah ilmu pengetahuan tentang agama.
3. Memahami dan memperbaiki lagi amal ibadat.
4. Mengetahui sesuatu hukum dengan lebih mendalam lagi.
5. Berasa lebih yakin lagi di dalam mengerjakan sesuatu ibadah.

Seterusnya soal selidik berkenaan jumlah peserta yang pernah menyertai pertandingan melalui kelas Bina Insan ini. Seramai 8 orang peserta yang pernah menyertai pertandingan iaitu 5 orang bertanding dalam program Nashid dan Qasidah dan 3 orang dalam program Tilawah al-Qur'ān.


**Jadual 4.6 : Pertandingan Yang Disertai Oleh Para Peserta**

Bil.	Kelas	Bil. Peserta	Peratus (%)
1	Nasyid dan Qasidah	5	10
2	Tilawah al-Qur'an	3	6

Sumber : Kajian soal selidik 2002

Soal selidik berkenaan kelas agama anjuran KEMAS sama ada mendapat sambutan atau pun tidak daripada masyarakat dapat dilihat menerusi rajah di bawah.

**Rajah 4.5 : Pandangan Peserta Berkenaan Kelas Bina Insan**



Sumber : Kajian soal selidik 2002

Di sini penulis akan menyenaraikan kesan-kesan yang diperolehi oleh para peserta hasil analisis borang soal selidik, wawancara dengan Penyelia Bina Insan dan juga dengan para PM di kawasan Kota Bharu ini.

#### 4.2.1 (a) : Keberkesanan Program Bina Insan

##### i) Menambah Ilmu Pengetahuan Khususnya Dalam Ibadat

Menerusi borang soal selidik ini kelas tertinggi yang dihadiri oleh para peserta adalah kelas Fardu Ain dan Fardu Kifayah. Mereka berpendapat bahawa mereka boleh meningkatkan lagi ilmu pengetahuan terutamanya dalam ibadat khususnya kepada para peserta yang tidak mendapat pendedahan yang mendalam berkenaan dengan agama. Setelah menghadiri kelas seperti ini para peserta dapat belajar dengan lebih terperinci lagi tentang fardu ain dan fardu kifayah. Ini memberi peluang kepada mereka bertanyakan tentang permasalahan yang mereka tidak fahami kepada PM yang mengajar<sup>120</sup>.

Kelas Fardu Ain dan Fardu Kifayah yang diadakan kepada pelajar yang masih belajar di sekolah rendah turut membantu mereka dalam mempertingkatkan ilmu pengetahuan mereka dan tidak hanya menerima pembelajaran di sekolah sahaja. Menerusi kelas seperti ini pembelajaran secara teori dan praktikal seperti ibadat solat amat berguna kepada mereka<sup>121</sup>. Solat perlu diajar secara teori dan praktikal bermula dengan mengambil wuduk lagi. Ini adalah satu cara pembelajaran yang berkesan agar mereka dapat melakukan ibadat dengan betul di bawah bimbingan PM.

---

<sup>120</sup>Wawancara bersama dengan Pn. Hajah Aminah Bt. Daud, PM Bina Insan DUN Bunut Payong, 5/8/2002. Jam 10.00 pagi di pejabat KEMAS Kawasan Kota Bharu.

<sup>121</sup>Wawancara bersama dengan Che Yam Bt. Abdul Ghani, PM Bina Insan DUN Tanjung Mas, 5/8/2002. Jam 10.30 pagi di pejabat KEMAS Kawasan Kota Bharu.

Kebanyakan para peserta khususnya peserta dewasa menghadiri kelas ini telah mengetahui tentang fardu ain dan fardu kifayah, cuma kelas yang diajar boleh menambahkan lagi ilmu yang telah mereka miliki di samping mempertingkatkan lagi amal ibadat mereka.

## ii) Dapat Mengenal Huruf Al-Qur'ān Dengan Lebih Baik

Apabila ditinjau di kelas-kelas al-Qur'ān yang diadakan di masjid, madrasah dan rumah orang perseorangan jelas membuktikan bahawa kesedaran di kalangan masyarakat telah timbul untuk mendalami ilmu-ilmu agama khususnya al-Qur'ān. PM Bina Insan yang diberi tugas menjalankan tanggungjawab mereka berusaha memberi pengajaran yang terbaik kepada para peserta di dalam kelas masing-masing. Di kawasan Kota Bharu ini kelas Fardu Ain dan Fardu Kifayah berserta Tarbiah Al-Qur'ān amat dititikberatkan agar masyarakat dapat menguasai ilmu dengan sebaik mungkin.

Tanggungjawab ini dipikul oleh para PM untuk mengajar peserta sama ada kanak-kanak atau golongan dewasa. Pada peringkat awal kelas al-Qur'ān dibuka kepada para peserta, terdapat peserta dewasa yang tidak mengenal huruf al-Qur'ān dengan baik<sup>122</sup>. Di sinilah peranan PM yang telah diberi tugas mengajar al-Qur'ān perlu memberi pengajaran dan penumpuan yang baik untuk memastikan para peserta dapat meningkatkan pembacaan dan pengetahuan mereka. Begitu juga tugas PM

---

<sup>122</sup> Wawancara bersama Che Yam Bt. Abdul Ghani, PM Bina Insan DUN Tanjung Mas, 5/8/2002. Jam 10.30 pagi di pejabat KEMAS Kawasan Kota Bharu.

mengajar kanak-kanak sekolah yang masih belum mengenal huruf al-Qur'ān dan telah diberi tunjuk ajar oleh PM Bina Insan<sup>123</sup>.

Apabila terdapat peserta yang masih belum mengenal huruf seperti ini, maka PM berperanan mengajar mereka mengikut tahap penguasaan para peserta terbabit. Atas usaha para peserta dan juga PM, keberkesanan pembelajaran al-Qur'ān dapat dilihat dengan jelas menerusi peningkatan mereka dalam mengenal huruf –huruf hijaiyah di dalam al-Qur'ān. PM juga turut memberi nota kepada para peserta untuk memudahkan mereka menguasai pelajaran dengan cepat dan berkesan. Menerusi nota ini ia memudahkan para peserta belajar, mengingat huruf-huruf terbabit dan menyebutnya dengan mudah<sup>124</sup>.

### iii) Dapat Membaca Al-Qur'ān Dengan Baik

Tugas mengajar Al-Qur'ān ini bukan sahaja dipikul oleh empat orang PM yang bertanggungjawab di kawasan Kota Bharu ini, malah Ketua Panitia Tarbiah Al-Qur'ān iaitu Ustaz Abdullah Sanusi turut bertugas menjalankan tanggungjawabnya. Cara pengajaran yang dibuat secara sistematik daripada permulaan bacaan al-Qur'ān dikenali sebagai Ibtida' Al-Qur'ān dan hukum tajwid adalah untuk membetulkan dan mengajar membaca al-Qur'ān dengan betul<sup>125</sup>.

<sup>123</sup> Wawancara bersama Khadijah Ismail, PM Bina Insan DUN Tanjung Mas, 5/8/2002. Jam 11.00 pagi di pejabat KEMAS kawasan Kota Bharu.

<sup>124</sup> Wawancara bersama Ustaz Abdullah Sanawi, Penyelia Bina Insan Kawasan Kota Bharu, 1/8/2002. Jam 10.00 pagi di pejabat KEMAS kawasan Kota Bharu.

<sup>125</sup> *Ibid.*

Para peserta yang mengikuti kelas adalah terdiri daripada pelbagai lapisan umur dan latar belakang. Kebanyakan daripada mereka mahu belajar, membaca dan memahaminya secara lebih mendalam lagi. Kelas Ibtida' Al-Qur'an yang telah diadakan ini telah diisi sepenuhnya oleh para peserta untuk mendalami al-Qur'an. Mereka berusaha membetulkan bacaan dengan belajar melalui guru yang bertauliah dan selalu menghadiri kelas-kelas al-Qur'an. Semasa kelas dijalankan PM akan memberi nota bagi pelajaran terbabit untuk memudahkan para peserta memahami dan mengingatinya.

Kelas Ibtida' Al-Qur'an ini adalah kelas yang paling sesuai untuk belajar membaca al-Qur'an dengan baik. PM akan mengajar dengan lebih terperinci tentang cara bacaan yang betul berserta baris. Di sini para peserta mudah menerima pelajaran mereka kerana dari peringkat awal lagi penekanan diberikan daripada tahap yang paling asas iaitu mengenal huruf dan baris. Sesetengah para peserta terutamanya golongan tua yang belajar al-Qur'an hanya dengan cara mendengar sahaja dan banyak melakukan kesilapan di dalam sebutan dan makhraj huruf<sup>126</sup>.

Melalui kelas seperti ini mereka boleh membetulkan kembali cara sebutan yang salah dan boleh menyebutnya dengan betul. Golongan dewasa seperti ini perlu belajar dengan lebih tekun kerana usia yang semakin tua agak sukar untuk mereka menerima ilmu. Namun dengan adanya semangat untuk belajar dalam diri, mereka berusaha juga untuk menguasai al-Qur'an.

---

<sup>126</sup> Wawancara bersama Ustaz Abdullah Sanawi, Penyelia Bina Insan Kawasan Kota Bharu, 1/8/2002. Jam 10.00 pagi di pejabat KEMAS kawasan Kota Bharu.



#### iv) Mempertingkatkan Lagi Tahap Bacaan

Menerusi kelas Ibtida' al-Qur'ān ini dapat dilihat perkembangan positif terhadap penguasaan al-Qur'ān di kalangan para peserta. Di peringkat awal mereka memulakan pembelajaran dari peringkat asas dan seterusnya PM akan memberikan penekanan kepada hukum-hukum tajwid dan mengajar membaca al-Qur'ān dengan betul. Penekanan terhadap hukum tajwid amat penting untuk memastikan mereka membaca al-Qur'ān dengan betul, lancar dan tidak melakukan kesilapan semasa membaca al-Qur'ān. Mereka juga perlu menguasainya kerana cara bacaan al-Qur'ān secara bertajwid tidak hanya ketika membaca al-Qur'ān malah juga dibaca di dalam solat.

Cara bacaan secara bertajwid ini amat ditekankan kepada para peserta dengan cara degung, wakaf, mad dan sebagainya. Hasil daripada kelas yang diadakan ini dapat dilihat bahawa ada peningkatan yang positif di kalangan para peserta. Mereka mula dapat membaca dengan lebih lancar dan tersusun<sup>127</sup>. Walau pun cara belajar secara bertajwid ini memerlukan banyak masa, namun sekiranya para peserta tekun belajar dan sentiasa menghadiri kelas maka mereka dapat menguasainya dengan cepat.

Di samping kelas tajwid yang diadakan kepada para peserta, pihak KEMAS turut mengadakan kelas Tarannum kepada para peserta yang boleh membaca al-

---

<sup>127</sup> Wawancara bersama Pn. Hajah Ramlah bt. Hj. Yusoff, PM Bina Insan Kawasan Bunut Payong, 5/8/2002. Jam 11.30 pagi di pejabat KEMAS kawasan Kota Bharu.

Qur'ān dengan baik dan ingin membaca dengan pelbagai lagu. Kelas Tarannum Al-Qur'ān yang dijalankan juga untuk mengajar para peserta membaca al-Qur'ān dengan pelbagai lagu.

v) Dapat Mengetahui Isi Kandungan Al-Qur'ān

Di samping tahu membaca al-Qur'ān dengan baik, PM turut memberi penekanan kepada maksud ayat yang telah dibaca oleh para peserta. Selepas mengajar membaca al-Qur'ān dan hukum tajwid, maka PM akan memberi penjelasan ringkas terhadap ayat yang telah dibaca. Ini adalah untuk memupuk minat membaca al-Qur'ān serta mengetahui terjemahan serta maksud bagi ayat tersebut.

Al-Qur'ān tidak hanya dibaca sahaja malah perlu dihayati isi kandungannya. Justeru PM mengambil langkah memberi penekanan kepada makna dan maksud ayat yang telah dipelajari. Bila para peserta mengetahui makna ayat-ayat terbabit maka mudahlah bagi mereka memahami isi kandungan al-Qur'ān serta mengetahui segala hukum, suruhan dan larangan Allah yang telah termaktub di dalam al-Qur'ān.

Sistem pembelajaran secara bersistematik ini lebih memudahkan para peserta menguasai al-Qur'ān bermula daripada peringkat awal sehinggalah memahami al-Qur'ān. Ini berbeza dengan sistem pendidikan dahulu yang diajar di rumah tok guru yang hanya memberi penekanan kepada bacaan al-Qur'ān, namun para peserta tidak memahami isi kandungan al-Qur'ān.

Golongan dewasa inilah yang mula mempelajari al-Qur'ān secara bersistematik dan mahu menambah ilmu berkaitan al-Qur'ān. Hasil daripada menghadiri kelas-kelas al-Qur'ān ini telah menambahkan lagi ilmu pengetahuan di kalangan para peserta. Mereka mula membaca al-Qur'ān dan cuba menghayati isi kandungannya. Inilah cara yang dituntut oleh Islam yang mahu hambanya membaca serta memahami isi kandungan al-Qur'ān. Apabila kita memahami apa yang dibaca maka mudahlah untuk merujuk pelbagai permasalahan di dalam al-Qur'ān di bawah tunjuk ajar guru yang bertauliah.

#### vi) Mengasah Bakat Melalui Pertandingan

Menerusi program yang telah dilaksanakan ini para peserta boleh mengasah bakat mereka melalui pertandingan yang diadakan seperti pertandingan Nasyid dan Qasidah, Rawi dan Marhaban dan Tilawah Al-Qur'ān. Peserta yang layak sahaja yang boleh bertanding dan mewakili kawasan mereka untuk pertandingan yang lebih besar iaitu peringkat negeri Kelantan dan juga peringkat Kebangsaan. Menerusi borang soal selidik yang telah diedarkan, penulis mendapati terdapat 8 orang responden yang pernah bertanding iaitu 5 orang dalam pertandingan Nasyid dan 3 orang dalam Tilawah Al-Qur'ān. Ini jelas menunjukkan bahawa program yang dianjurkan oleh KEMAS mahu memberi peluang kepada para peserta menambah pengalaman menerusi pertandingan sekaligus mempamerkan bakat para peserta.

Pertandingan yang diadakan ini sekaligus merapatkan hubungan di antara para peserta dari pelbagai kawasan dan bertemu di dalam satu pertandingan. Justeru para

peserta boleh kenal mengenali di antara satu sama lain dan boleh bertukar-tukar pandangan berkenaan dengan pertandingan tersebut. Pertandingan yang diadakan ini memberi peluang kepada para peserta untuk menambah pengalaman dan mengembangkan bakat mereka.

#### vii) Melahirkan Generasi Pelapis

Melalui program BI ini bertujuan supaya masyarakat memperolehi ilmu pengetahuan yang berguna dan mempraktikkan apa yang dipelajari dengan sebaik mungkin dalam kehidupan mereka. Lahirnya generasi pelapis yang berkaliber merupakan aset yang penting untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan agama khususnya pengurusan jenazah.

Golongan muda perlu sedar bahawa mereka perlu mempelajari ilmu seperti ini kerana ianya akan hilang jika tidak diambil perhatian oleh generasi kini. Justeru kelas yang berupa fardu kifayah ini amat berguna kepada para peserta yang sedar tentang kepentingan ilmu dan berusaha mempelajarinya. Wujudnya kelas seperti ini menjadi salah satu cara untuk mewujudkan golongan yang boleh menguruskan hal-hal yang berkaitan agama Islam selepas ketiadaan golongan tua nanti.

#### viii) Merapatkan Hubungan Di Antara Golongan Tua dan Muda

Program yang berbentuk ilmuan dan kemasyarakatan ini boleh merapatkan lagi hubungan di antara golongan tua dan muda apabila mereka sama-sama belajar di

tempat yang sama. Kelas BI adalah kelas membentuk non-formal dan ini memberi peluang golongan ini berkenalan, berbincang dan berkongsi pengalaman. Melalui kelas seperti inilah golongan muda dan tua boleh menjalinkan hubungan sesama mereka dan tidak timbul jurang perbezaan di antara dua golongan ini.

Seterusnya penulis menganalisis sambutan responden terhadap kelas yang telah dianjurkan oleh KEMAS ini. 86 peratus responden mengatakan kelas agama yang dianjurkan oleh KEMAS mendapat sambutan daripada masyarakat dan 14 peratus lagi mengatakan tidak. Apabila dilihat kepada pandangan yang telah diberikan oleh para responden ini, penulis beranggapan bahawa masyarakat di Kota Bharu menyambut baik kelas BI yang telah dianjurkan oleh KEMAS ini.

Analisis seterusnya berkenaan pandangan dan cadangan para responden untuk menambahkan lagi minat masyarakat untuk menyertai kelas agama ini. Berikut adalah cadangan yang diberikan oleh para responden :

1. Memperbanyakkan aktiviti untuk golongan muda untuk menarik minat mereka mengikuti program ini
2. Mengadakan tayangan video untuk menambahkan lagi kefahaman para peserta berkenaan satu-satu pelajaran yang diajar.
3. Menambahkan lagi infrastruktur kelas dengan peralatan yang mencukupi
4. Memperbanyakkan lagi bahan bacaan untuk mempertingkatkan ilmu para peserta.
5. Mengadakan kerjasama dengan ahli jawatankuasa setempat
6. Menyediakan kelas yang selesa dan guru yang berkelayakan.

Pandangan dan cadangan yang diberikan oleh para responden perlu diambil tindakan yang sewajarnya oleh pihak KEMAS agar program BI akan mendapat sambutan sepenuhnya di kalangan masyarakat.


#### **4.2.2 Pendidikan Islam di TABIKA**

Seterusnya penulis akan menumpukan kepada penyelidikan terhadap pendidikan Islam di TABIKA. Kajian ini dilakukan dengan memberikan borang soal selidik kepada 50 orang ibu bapa bagi kanak-kanak yang belajar di situ untuk mengetahui peranan dan keberkesanan pembelajaran anak-anak mereka di TABIKA. Borang soal selidik ini mengandungi 15 soalan iaitu terdiri daripada 2 bahagian iaitu bahagian A dan B. Bahagian A melibatkan latar belakang kanak-kanak seperti jantina, umur dan pekerjaan ibu bapa mereka. Seterusnya bahagian B pula tumpuan kepada soalan-soalan yang berkaitan dengan pembelajaran anak-anak mereka di TABIKA.

Analisis telah dibuat dan mendapati pelajar perempuan lebih ramai berbanding pelajar lelaki iaitu 60 peratus pelajar perempuan dan 40 peratus pelajar lelaki. Manakala umur mereka yang belajar di situ 82 peratus adalah berumur 6 tahun dan 18 peratus berumur 5 tahun. Dari segi pekerjaan ibu bapa kanak-kanak terdiri daripada pelbagai latar belakang pekerjaan iaitu ada yang bekerja kerajaan, swasta dan bekerja sendiri.

Seterusnya penulis memfokuskan kepada bahagian B untuk meninjau pandangan ibu bapa berhubung dengan pembelajaran di TABIKA. Apabila dibuat analisis menunjukkan 75 peratus ibu bapa berpendapat TABIKA KEMAS adalah baik, 10 peratus memuaskan dan biasa 15 peratus. Ini menunjukkan ibu bapa berpandangan bahawa TABIKA adalah tempat yang baik dan sesuai untuk kanak-kanak prasekolah mendapat pendidikan awal mereka.

**Rajah 4.6 : Pandangan Ibu Bapa Terhadap TABIKA KEMAS**



Sumber: Kajian Soal Selidik 2002

Penulis turut membuat statistik berhubung bilangan anak yang pernah dihantar oleh ibu bapa mereka ke TABIKA.

**Jadual 4.7 : Bilangan Anak Yang Pernah di Hantar Ke TABIKA**

BIL.	BIL. ANAK	PERATUS
1	3 orang atau lebih	50
2	2 orang	30
3	seorang	20

Sumber: Kajian Soal Selidik 2002

Menerusi jadual ini menunjukkan TABIKA KEMAS menjadi pilihan ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang ramai supaya mengikuti kelas prasekolah di TABIKA. Apabila ditinjau dari segi perasaan ibu bapa sama ada berpuas hati atau tidak dengan pencapaian anak mereka setelah dihantar ke TABIKA KEMAS, 72 peratus mengatakan mereka berpuas hati dan 28 peratus pula tidak berpuas hati.


#### **4.2.2 (a) Keberkesanan Pendidikan Islam Di TABIKA**

##### **i) Memberi Ilmu Pengetahuan Kepada Para Pelajar**

Pembelajaran di TABIKA KEMAS telah menambah ilmu pengetahuan kepada kanak-kanak terbabit berhubung perkara-perkara asas agama Islam seperti mereka diajar membaca dan mengenal ayat-ayat al-Qur'an, cara berwuduk, solat dan sebagainya. Kanak-kanak yang diajar perkara asas mengenai agama pada peringkat awal tidak menghadapi kesukaran untuk menerima pembelajaran bila di alam persekolahan nanti. Menerusi soal selidik yang telah dilakukan 75 peratus responden di kalangan ibu bapa mengatakan terdapat kesan hasil pembelajaran anak-anak mereka di TABIKA. Manakala 25 peratus pula mengatakan terdapat sedikit sahaja kesan yang diperolehi dan tiada responden yang mengatakan tiada kesan yang baik hasil pembelajaran di TABIKA.



**Rajah 4.7 : Kesan Hasil Pembelajaran Kanak-Kanak di TABIKA**



Sumber: Kajian Soal Selidik 2002


Menerusi rajah ini menunjukkan bahawa hasil pembelajaran di TABIKA memberi ilmu pengetahuan kepada kanak-kanak Cuma tahap penerimaan minda mereka sahaja yang membezakannya. Kanak-kanak yang cerdas dapat menerima pembelajaran dengan cara yang berkesan dan kanak-kanak yang lemah mendapat sedikit sahaja pembelajaran yang diajar.

ii) Amalan Terhadap Pembelajaran Yang Diajar

Di TABIKA telah diajar pelbagai perkara terutama pelajaran asas yang mudah diterima oleh kanak-kanak prasekolah. Garis panduan pembelajaran telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Hasil pembelajaran di TABIKA dapat dilihat keberkesanannya apabila kanak-kanak mempraktikkannya di rumah seperti membaca doa harian. Doa-doa tersebut seperti doa makan, doa masuk ke tandas dan doa hendak tidur. Menerusi soal selidik ini menunjukkan 82 peratus ibu bapa mengatakan anak mereka boleh membaca doa dan 18 peratus mengatakan tidak.

Apabila ditinjau mengenai perasaan ibu bapa sama ada berpuas hati atau tidak dengan pencapaian anak mereka dalam pendidikan Islam, 45 peratus mengatakan ya, 35 peratus mengatakan sederhana dan 20 peratus mengatakan tidak.

**Rajah 4.8 : Perasaan Ibu Bapa Terhadap Pencapaian Anak**



Sumber : Kajian Soal Selidik 2002

Analisis ini menunjukkan terdapat perkembangan positif hasil pembelajaran kanak-kanak di TABIKA dan ibu bapa turut berperanan meningkatkan lagi tahap pencapaian anak-anak mereka.

### iii) Dapat Mengenal Huruf Hijaiyyah

Di TABIKA, telah diajar membaca al-Qur'an menerusi kelas Celik Al-Qur'an dan terbuka kepada kanak-kanak untuk mengikuti kelas atau tidak. Menerusi soal selidik ini sebanyak 42 orang kanak-kanak yang mengikuti kelas dan cuma 8 orang sahaja yang tidak mengikuti kelas.


**Jadual 4.8 : Bilangan Pelajar Yang Mengikuti Kelas**

BIL	Bilangan Pelajar	Peratus (%)
1	42	84
2	8	16

Sumber: Kajian Soal Selidik 2002

Menerusi kelas Celik Al-Qur'an yang berkonsepkan Qiraati, kanak-kanak diajar cara-cara membaca al-Qur'an untuk memudahkan lagi mereka mengenal huruf dan membaca al-Qur'an melalui bimbingan guru. Menerusi soal selidik ini juga menunjukkan semua pelajar mengikuti pelajaran yang diajar dan sukatan pelajaran bersesuaian dengan tahap umur mereka di peringkat prasekolah. Pembelajaran al-Qur'an menerusi kaedah qiraati ini adalah untuk memudahkan kanak-kanak membaca dan mengenal al-Qur'an dengan cepat dengan mudah. Seterusnya soal selidik berkenaan tahap penerimaan kanak-kanak tersebut sama ada dapat mengikuti atau tidak pembelajaran itu.

**Rajah 4.9 : Penerimaan Pelajar Terhadap Pembelajaran Di Kelas**



Sumber: Kajian Soal Selidik 2002

Penulis turut membuat analisis berkenaan tahap bacaan al-Qur'ān di kalangan kanak-kanak sama ada mereka boleh membaca atau tidak menurut pandangan ibu bapa mereka.

**Jadual 4.9: Tahap Bacaan Al-Qur'ān Di Kalangan Kanak-Kanak**

BIL.	TAHAP BACAAN AL-QUR'ĀN	PERATUS (%)
1	Sedikit	55
2	Sederhana	35
3	Baik	10

Sumber: Kajian Soal Selidik 2002

Tahap bacaan al-Qur'ān di kalangan kanak-kanak adalah banyak bergantung kepada kemampuan kanak-kanak itu sendiri menerima pembelajaran. Sekiranya mereka didedahkan dengan pembelajaran al-Qur'ān di rumah, maka mereka cepat menguasai pembelajaran Qiraati.

#### iv) Pembentukan Akhlak Yang Mulia

Selain daripada bacaan doa dan bacaan Qiraati, terdapat amalan-amalan lain yang telah memberi kesan kepada kanak-kanak seperti amalan memberi salam sebelum masuk ke rumah, bernasyid, bersikap rajin, sering membaca buku dan membuat latihan yang diberikan oleh guru. Menerusi pembelajaran ini, mereka mula mempraktikkannya di rumah dan mengasuh mereka mengamalkan amalan yang

dituntut oleh Islam. Pendidikan di TABIKA telah membentuk kanak-kanak menjadi seorang pelajar dan mengenal alam persekolahan sebelum mereka melangkah ke tahun satu.

Seterusnya penulis menyenaraikan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh ibu bapa untuk meningkatkan lagi pembelajaran kanak-kanak di TABIKA. Cadangan-cadangan itu seperti :

1. Pihak KEMAS menghadkan jumlah pelajar di satu-satu TABIKA agar tidak terlalu ramai supaya pembelajaran di kalangan kanak-kanak lebih berkesan.
2. Memperbanyakkan latihan solat
3. Sering mengulang bacaan doa agar mudah diingati oleh kanak-kanak
4. Menambahkan lagi alat bantu mengajar khususnya untuk subjek pendidikan Islam
5. Memperbanyakkan aktiviti berbentuk keagamaan yang bersesuaian dengan usia kanak-kanak untuk menarik minat mereka belajar pendidikan Islam.

Kesimpulan yang boleh penulis rumuskan berkenaan kesan pembelajaran pendidikan Islam di TABIKA melalui soal selidik dan wawancara adalah :

1. Kanak-kanak boleh menerima pembelajaran pendidikan Islam yang diajar di TABIKA.
2. Kanak-kanak boleh mempraktikkan apa yang telah mereka belajar dan diamalkan di rumah.
3. Usaha perlu dipertingkatkan lagi untuk menambah penguasaan kanak-kanak dalam pendidikan Islam.
4. Bacaan al-Qur'an perlu dimulakan di peringkat kanak-kanak lagi agar mereka tidak ketinggalan dalam pembelajaran dan mudah menguasainya.
5. Ibu bapa turut berperanan untuk mengajar anak-anak mereka di rumah dan tidak melepaskan tanggungjawab kepada guru di TABIKA sahaja.

#### 4.3 KESIMPULAN

Menerusi analisis yang telah dilakukan ini menunjukkan bahawa masyarakat menerima dan menyambut baik program yang dianjurkan oleh pihak KEMAS ini. Program BI ini tidak hanya disertai oleh golongan tua malah golongan muda turut berminat untuk belajar walaupun bilangannya masih kurang. Cadangan yang dikemukakan oleh responden ini boleh dilakukan agar golongan muda turut berminat untuk belajar dan mendalami ilmu agama. Ia lebih baik daripada mereka menghabiskan masa tanpa melakukan sesuatu yang berfaedah. Banyak faedah yang diperolehi hasil daripada menghadiri setiap program yang telah dianjurkan dan

penyertaan di kalangan golongan muda amat penting untuk memastikan program ini terus berjalan dan mencapai matlamatnya.

Keberkesanan program di peringkat TABIKA pula, pihak KEMAS perlu memperbaiki lagi sistem pembelajaran agar kanak-kanak mendapat pendidikan Islam standing dengan pembelajaran lain di TABIKA.